

13 MAR 2002

Mahathir-Rusia

DR MAHATHIR MEMPUNYAI JADUAL KETAT DI RUSIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 13 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadual tiba di sini malam ini untuk lawatan rasmi tiga hari mempunyai jadual yang ketat termasuk mengadakan rundingan dengan Presiden Rusia dan berucap pada forum perniagaan Rusia-Malaysia.

Moscow ialah persinggahan pertama Perdana Menteri dalam lawatan ke tiga negara. Beliau juga akan melawat Jerman dan Poland.

Dr Mahathir, diringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, dijadual tiba pukul 8.45 malam ini (1.45 pagi di Malaysia) dari Kuala Lumpur.

Upacara sambutan rasmi akan diadakan di lapangan terbang sebelum perdana menteri berlepas ke Hotel Radisson Slavjanskaya, tempat penginapan delegasi Malaysia yang terdiri daripada para pegawai, ahli perniagaan dan wakil media.

Jadual esok bermula dengan taklimat di Russian Federal Service for Hydrometeorology and Environmental Monitoring Service (Rosgidromet) diikuti dengan upacara meletakkan kalungan bunga di Tomb of the Unknown.

Selepas selesai sahaja upacara itu, Dr Mahathir akan menuju ke Grand Kremlin Palace untuk mengadakan rundingan dengan Presiden Rusia Vladimir Putin.

Ini akan menjadi pertemuan mereka yang ketiga selepas perbincangan pada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bandar Seri Begawan dua tahun lalu dan di Shanghai tahun lepas.

Selepas perbincangan itu, Dr Mahathir dan Putin akan mengetuai delegasi masing-masing dalam rundingan dua hala dan menyaksikan pemeteraian beberapa perjanjian.

Ini akan disusli dengan jamuan tengah hari rasmi yang diadakan oleh Putin dan isterinya Puan Putina bagi meraikan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

Perdana Menteri kemudian akan berucap forum perniagaan bagi memperkenalkan Malaysia kepada pelabur dan ahli perniagaan Rusia serta menemui penuntut Malaysia pada majlis jamuan malam di hotel.

Pada Jumaat, Dr Mahathir akan melawat Shemyakin-Ovchinnikov Institute of Bio-organic Chemistry Centre dan menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman antara Malaysia dan Akademi Sains Rusia.

Beliau kemudian akan menemui rakan sejawatannya dari Rusia Mikhail Kasyanov sebelum menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Mira di sini.

Selepas sembahyang Jumaat, Dr Mahathir akan menghadiri taklimat dan menyaksikan demonstrasi penerbangan oleh pesawat Sukhoi SU 30 di Institut Penerbangan Zhukovsky.

Pada Sabtu, Dr Mahathir akan mengadakan persidangan media sebelum berlepas ke Stuttgart, Jerman.

-- BERNAMA

AZZ DC FAZ